

Kes keganasan rumah tangga meningkat

kosmo 13/10/13
Ms S.

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan semakin meningkat sejak 2010 berikutan timbul kesedaran orang ramai bahawa ia satu kesalahan menurut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim berkata, semakin ramai yang berani tampil untuk melaporkan kes-kes keganasan rumah tangga.

"Ini berikutan kebanyakan wanita sudah mempunyai kerjaya dan berpendidikan, jadi mereka tahu hak mereka sekiranya ditindas oleh golongan lelaki," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita di Plaza Tol Sungai Besi di sini semalam.

Kempen yang bertemakan *Respek Wanita, Masyarakat Sejahtera* itu melibatkan pelbagai agensi swasta dan bermula semalam hingga 5 Disember ini.

Rohani berkata, kempen itu merupakan salah satu usaha pihak kementerian untuk menghapuskan sebarang



ROHANI (dua dari kiri) melihat seorang pemandu menampal pelekat kempen menangani keganasan terhadap wanita pada cermin kereta di Kuala Lumpur semalam.

bentuk keganasan terhadap institusi kekeluargaan terutamanya wanita.

"Keganasan rumah tangga bukan hanya menjejaskan suami isteri malah ia juga memberi kesan kepada anak-anak mereka," ujarnya.

Beliau memberitahu, ini kerana terdapat kes-kes keganasan yang dilaporkan turut melibatkan anggota keluarga lain.

INFO Jumlah kes keganasan rumah tangga

Tahun	Wanita	Lelaki	Jumlah
2010	2,522	650	3,172
2011	2,462	815	3,279
2012	2,558	930	3,488